

D.R. 37/2006

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemotongan seksyen 33

2. Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dengan memotong seksyen 33.

Pemotongan seksyen 34

3. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 34.

Pindaan seksyen 35

4. Seksyen 35 Akta ibu dipinda dengan memotong subperenggan

Kecualian dan peralihan

5. (1) Apa-apa prosiding untuk membubarkan secara paksa koperasi berasaskan pertanian yang masih belum selesai di bawah Akta ibu sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah, selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini diteruskan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(2) Apa-apa perbelanjaan yang dibuat ketika pembubaran secara paksa koperasi berasaskan pertanian di bawah subseksyen (1) sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini hendaklah, selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, dibayar oleh Lembaga Pertubuhan Peladang seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109]. Pindaan itu merupakan pindaan berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("Suruhanjaya") di bawah Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan pindaan kepada Akta Koperasi 1993 [Akta 502]. Apabila Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Akta Koperasi (Pindaan) 2006 berkuat kuasa, koperasi berasaskan pertanian akan dikawal selia dan diawasi oleh Suruhanjaya.

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang perraulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* dan *3* bertujuan untuk memotong seksyen 33 dan 34 Akta 109 kerana kuasa mengawal selia dan mengawasi koperasi berasaskan pertanian akan terletak hak pada Suruhanjaya menurut Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2006.
3. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong subperenggan 35(2)(c)(i) Akta 109 kerana kuasa untuk mengawal selia penubuhan, pengurusan dan pengawalan koperasi berasaskan pertanian akan terletak hak pada Suruhanjaya menurut Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2006.
4. *Fasal 5* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2485]